

RANCANGAN MALAYSIA KE10

ZULKIFLI HASAN
SHEFFIELD UNIVERSITY
18 Disember 2010

نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ أَحْسَنَ الْقَصَصِ بِمَا أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ هَذَا
الْقُرْآنَ وَإِنْ كُنْتَ مِنْ قَبْلِهِ لَمِنَ الْغَافِلِينَ ﴿٣﴾

- Surah yusuf 12: 3. Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) seindah-indah kisah dengan jalan Kami wahyukan kepadamu Al-Quran ini, padahal sebenarnya engkau sebelum datangnya wahyu itu, adalah dari orang-orang yang tidak pernah menyadari akan halnya.

وَقَالَ الْمَلِكُ إِنِّي أَرَى سَبْعَ بَقَرَاتٍ سِمَانٍ يَأْكُلُهُنَّ سَبْعٌ عِجَافٌ وَسَبْعَ
 سُنبُلَاتٍ خُضْرٍ وَأُخَرَ يَابِسَاتٍ يَا أَيُّهَا الْمَلَأُ أَفْتُونِي فِي رُؤْيَايَ إِن
 كُنْتُمْ لِلرُّءْيَا تَعْبُرُونَ ﴿٤٣﴾

- Surah Yusuf 12-43: Dan Raja berkata: “Sesungguhnya aku bermimpi melihat tujuh ekor lembu yang gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu yang kurus, dan tujuh tangkai yang hijau serta tujuh tangkai lainnya yang kering. Wahai sekalian orang yang terkemuka! Berikanlah kepadaku pengertian tentang mimpiku itu, jika kamu mempunyai pengertian tentang mimpi.”

قَالُوا أَضْغَثٌ أَحْلَمٍ وَمَا نَحْنُ بِتَأْوِيلِ الْأَحْلَامِ بِعَالَمِينَ ﴿٤٤﴾
 وَقَالَ الَّذِي نَجَا مِنْهُمَا وَادَّكَرَ بَعْدَ أُمَّةٍ أَنَا أُنَبِّئُكُمْ بِتَأْوِيلِهِ
 فَأَرْسِلُونِ ﴿٤٥﴾

- 12-44: Mereka menjawab: “(Itu) adalah mimpi yang kacau, dan kami tidak ada pengetahuan tentang pengertian mimpi sedemikian.”
- 12-45: Dan berkata orang yang selamat antara kedua-duanya (yang di dalam penjara bersama Yusuf dahulu), apabila dia teringat (kepada Yusuf) setelah beberapa lama (masa berlalu): “Aku akan terangkan kepada tuan sekalian tentang pengertian mimpi itu, (sebab itu) utuslah aku (kepada Yusuf).”

يُوسُفُ أَيُّهَا الصِّدِّيقُ أَفْتِنَا فِي سَبْعِ بَقَرَاتٍ سِمَانٍ يَأْكُلُهُنَّ
سَبْعٌ عِجَافٌ وَسَبْعِ سُنبُلَاتٍ خُضْرٍ وَأُخَرَ يَابِسَاتٍ لَعَلِّي أَرْجِعُ إِلَى
النَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٤٦﴾

- 12-46: “Yusuf, wahai orang yang benar! Terangkanlah kepada kami pengertian tentang tujuh ekor lembu yang gemuk dimakan semuanya oleh tujuh ekor lembu yang kurus, dan tujuh tangkai yang hijau serta (tujuh tangkai) yang lainnya kering, supaya aku kembali kepada orang itu, mudah-mudahan mereka akan mengetahui.”

قَالَ تَزْرَعُونَ سَبْعَ سِنِينَ دَأْبًا فَمَا حَصَدْتُمْ فَذَرُوهُ فِي سُنْبُلِهِ إِلَّا قَلِيلًا
مِمَّا نَأْكُلُونَ ﴿٤٧﴾

ثُمَّ يَأْتِي مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ سَبْعٌ شِدَادًا كُنَّ مَا قَدَّمْتُمْ لَهُنَّ إِلَّا قَلِيلًا مِمَّا
تُحْصِنُونَ ﴿٤٨﴾

ثُمَّ يَأْتِي مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ عَامٌ فِيهِ يُغَاثُ النَّاسُ وَفِيهِ يَعَصِرُونَ ﴿٤٩﴾

- 12-47: Dia (Yusuf) berkata: “Kamu akan bercucuk tanam selama 7 tahun dengan bekerja keras. Maka apa yang sudah kamu tuai biarkan sahaja di tangkainya kecuali sedikit untuk kamu makan.”

12-48: “Kemudian akan datang sesudah itu, 7 (tahun) yang amat sukar, yang akan menghabiskan (makanan) yang kamu sediakan bagi mereka, kecuali sedikit daripada yang kamu simpankan.”

12-49: “Kemudian sesudah itu, akan datang 1 tahun di mana manusia diberikan hujan dan di masa itu mereka memerah (anggur).”

Isi Kandungan

- **Agenda Malaysia Maju 2020**
 - Gagasan 1Malaysia
 - Program Transformasi Kerajaan
 - Model Ekonomi Baru
- **RMK10**
 - Sejarah
 - Teras
 - Strategi
- **Sekilas Pandang RMK9**
- **Penutup**

Agenda Malaysia Maju Berstatus Pendapatan Tinggi 2020

- 1. Gagasan 1 Malaysia (Idea 16/09/2008) : (2009) Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan; (2010) 1 Malaysia Menjana Transformasi
- 2. Program Transformasi Kerajaan (PTK): 28/01/2010
- 3. Model Baru Ekonomi (MBE): 03/12/2010
- RMK10 Hanya ada RMK11 sebelum 2020. RMK10 pemangkin dan aspirasi kepada ketiga-tiga agenda kerajaan.

1Malaysia

- Gagasan memupuk perpaduan.
- Penerapan teras perpaduan
 - Penerimaan prinsip kenegaraan dan keadilan sosial
 - Perlembagaan Persekutuan dan Rukunegara
 - Nilai-nilai murni: Hormat-menghormati, rendah hati kesederhanaan dan berbudi bahasa
- Penerapan Nilai Aspirasi
 - Budaya Inovasi, Berprestasi Tinggi, Ketepatan, Ilmu, Integriti, Ketabahan, Kesetiaan dan Kebijaksanaan.

Program Transformasi Kerajaan

- Menteri Perpaduan dan Pengurusan Prestasi dan CEO, Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU).
- • Fasa 1 (2010-2012)
Perubahan dan menyampaikan keberhasilan dengan cepat melalui penetapan dan penyampaian sasaran NKRA dan MKRA.
- • Fasa 2 (2012-2015)
Kehidupan harian rakyat lebih baik, struktur ekonomi negara akan berkembang sejajar dengan matlamat MBE) • Fasa 3 (dari 2015 hingga 2020)
Matlamat Wawasan 2020 akan tercapai .
- Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).
- Meluaskan akses pendidikan berkualiti dan berkemampuan.
 - kanak-kanak menguasai kemahiran membaca menulis dan mengira ketika melangkah ke tahun 4 sebelum hujung 2012.
 - Menjelang tahun 2012, 80% akses kepada pendidikan prasekolah.
- Mengurangkan kadar jenayah
 - Pengurangan 20% jenayah jalanan pada akhir 2010.

Samb...

- **Memerangi Rasuah**
 - Pengagihan perolehan dibuat melalui tender terbuka atau terhad.
 - Memulihkan Indeks Persepsi Rasuah Transparency International.
- **Meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah**
 - Mulai Januari 2010 semua bantuan kebajikan akan dibayar tepat 1 hari bulan
 - Bilangan usahawan wanita dari 717 kepada 4,000 melalui AIM menjelang 2012.
- **Memperkasa prasarana luar bandar dan pendalaman**
 - Kemudahan jalan, bekalan air bersih dan elektrik khususnya di Sabah dan Sarawak.
 - 50,000 rumah golongan miskin akan dibina atau dibaik pulih menjelang 2012.
- **Menambahbaik pengangkutan awam**
 - 25% daripada penduduk Lembah Klang menggunakan pengangkutan awam menjelang 2012 berbanding hanya 16% sekarang.
- **Mempertingkatkan Kebertanggungjawaban Menteri Dan Penjawat Awam**
 - PM menilai pencapaian setiap menteri pada setiap 6 bulan

Model Ekonomi Baru

- Lapan Inisiatif Pembaharuan Strategik:
- Menyuburkan kembali sekto swasta untuk menerajui pertumbuhan ekonomi
- Membangun tenaga kerja yang berkualiti dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing
- Mewujudkan ekonomi domestik yang berdaya saing
- Memperkukuhkan sektor awam
- Melaksanakan tindakan afirmatif yang telus dan mesra pasaran
- Membina infrastruktur yang berasaskan pengetahuan
- Meningkatkan sumber pertumbuhan
- Memastikan pertumbuhan yang mapan

Model Baru Ekonomi

- Meningkatkan pendapatan tahunan per kapita sebanyak USD7,000 (RM22,806) kepada USD15,000 (RM48,870) dalam tempoh 10 tahun.
- Pelaburan dan persaingan untuk bakat terbaik melalui pembayaran upah yang tinggi, berdasarkan kompetensi yang mereka miliki dan prestasi diukur berdasarkan peningkatan antarabangsa.
- Pengurangan kebergantungan terhadap buruh asing yang tidak berkemahiran dan lebih focus kepada pekerja pelbagai kemahiran (multi-tasking worker).
- Mengambil kira kesan pembangunan ekonomi terhadap persekitaran dan sumber asli.
- Pemodenan sistem pendidikan ke arah melahirkan tenaga kerja bertaraf dunia

Samb....

- Pembangunan dalam pasaran modal akan terus diperkukuh di dalam Pelan Induk Pasaran Modal Kedua yang sedang dirangka oleh Suruhanjaya Sekuriti
- KWSP dibenarkan melabur lebih banyak aset di luar negara (sekarang 6%). Mempelbagaikan portfolio dan memberikan lebih banyak ruang domestik untuk penyertaan baru. Sekarang KWSP menguasai 50% daripada volume harian Bursa dalam pasaran ekuti dan bon tempatan.
- Menjadikan Lembaga Kemajuan Industri Malaysia (MIDA) sebagai agensi promosi pelaburan yang lebih efektif. MIDA akan dikorporatkan dikenali sebagai Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia

Samb...

- Khazanah akan melupuskan 32% pegangan di dalam Pos Malaysia melalui dua peringkat proses pelupusan strategik
- Kaedah urus tadbir korporat dan kawal seliaan yang sesuai
- Garis panduan proses bidaan dan penilaian untuk memilih pemegang saham baru bagi memodenkan Pos Malaysia.
- Beberapa lot tanah di Jalan Stonor, Jalan Ampang, Jalan Lidcol, Kuala Lumpur akan ditender dan dibangunkan oleh sektor swasta
- Kerajaan dan KWSP akan membentuk kerjasama bagi membangunkan 3,000 ekar tanah di Sungai Buloh sebagai hab baru bagi Lembah Klang. Pelaburan sebanyak RM5 bilion
- Penswastaan bagi Percetakan Nasional Berhad, CTRM Aero Composites Sdn Bhd, Nine Bio Sdn Bhd dan Innobio Sdn Bhd
- Kerajaan akan mengubah struktur polisi fiskal yang akan menaksir semula sistem subsidi yang wujud di Malaysia dan meluaskan punca kutipan hasil melalui cadangan pengenalan cukai barangan dan perkhidmatan (goods and services tax: GST).

Samb...

- Tiada kuota kaum
- MBE tiada kuota pemilikan berdasarkan kaum. Kuota pemilikan berasakan kaum dihapuskan secara beransur.
- Sasaran MBE ialah golongan bawahan 40% kumpulan berpendapatan rendah.
- Bumiputera, MBE akan meningkatkan lagi kapasiti usahawan dan tidak akan meminggirkan mana-mana kaum sepanjang pelaksanaannya. Pendekatan yang terbaik akan dikaji bagi menyokong bidang ekonomi utama yang disasarkan dalam MEB.
- Teras utama MEB ialah tidak ada kuota pemilikan. Namun kapasiti perniagaan bumiputera akan disokong supaya mereka boleh menjalankan perniagaan yang lebih baik.

Kenapa Perlu Model Ekonomi Baru?

- Penurunan Pelabur Asing
- Pelbagai syarat menyusahkan perniagaan
- Eksport sedia ada tiada nilai tambah
- Pekerjaan kemahiran rendah dan pendapatan rendah
- Kelambatan Produktiviti
- Pekerja mahir meninggalkan Malaysia
- Jurang miskin dan kaya semakin membesar
- Malaysia mesti berusaha menjadi “Global leader”
- Membangun sumber manusia
- Kelebihan Malaysia: 1. Infrastruktur baik 2. Asas Industri baik 3. Kedudukan strategik 4. Kepelbagaian budaya

Sejarah RMK1-10

Sebelum Merdeka:

- Pelan Pembangunan Malaya 1950 - 1955

Selepas Merdeka:

- Rancangan Malaya Pertama 1956-1960
- Rancangan Malaya Kedua 1961 – 1965

Selepas Sabah Sarawak Menyertai Malaysia:

- Rancangan Malaysia Pertama 1966 – 1970

Dasar Ekonomi Baru

- Rancangan Malaysia Kedua 1971 – 1975:
- Rancangan Malaysia Ketiga 1976 – 1980
- Rancangan Malaysia Keempat 1981 – 1985
- Rancangan Malaysia Kelima 1986 – 1990
- Rancangan Malaysia Keenam 1991 – 1995
- Rancangan Malaysia Ketujuh 1996 – 2000
- Rancangan Malaysia Kelapan 2001 – 2005
- Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010

Model Ekonomi Baru

- Rancangan Malaysia Kesembilan 2011-2015
- Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020

Asal Perancangan 5 Tahun Ekonomi

- Vladimir Lenin Perkenalkan NEP.1921-1925
- Joseph Stalin: 5 years economic plan.
- 1. 1928-1933, 2. 1933-1937, 3. 1938-1941 (World War 2), 4. 1946-1950, 5. 1951-1955. 6. 1956-1960). 7. 1961-1965 8. 1968-1971 9. 1971-1975 10. 1976-1981. 11. 1981-1985 12. 1986-1990. 13. 1990-1991 (Dissolution of Soviet Union.)
- India: 1951-1960 Now at 11th plan 2007-2012

RMK10

- 10 Jun 2010 dibentangkan di parlimen.
- RMK-10 yang bertemakan “Rancangan Kemakmuran Ekonomi dan Keadilan Sosial”, memperuntukkan RM230 bilion.
- 55% diagihkan kepada sector ekonomi
- 30% kepada sektor sosial
- 10% kepada sektor keselamatan
- 5% untuk pentadbiran am.

Lima Teras RMK10

- RMK10 menggariskan lima teras ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang 2020. Lima teras ini adalah:
- Meningkatkan nilai tambah dalam ekonomi negara
- Meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi serta memupuk minda kelas pertama
- Menangani ketidaksamaan sosioekonomi yang berterusan
- Meningkatkan tahap dan kemampuan kualiti hidup
- Mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan negara

10 Idea Utama

- Ekonomi dipacu oleh faktor dalam negeri di samping mengambil kira persekitaran luar negara
- Memanfaatkan kepelbagaian etnik untuk mencapai kejayaan di arena antarabangsa
- Transformasi ke arah negara berpendapatan tinggi menerusi pengkhususan
- Menjayakan pertumbuhan yang diterajui oleh produktiviti dan inovasi
- Memupuk, menarik dan mengekalkan modal insan cemerlang
- Memastikan peluang sama rata dan melindungi golongan yang mudah terjejas
- Pertumbuhan bertumpu, pembangunan Inklusif
- Menyokong perkongsian yang pintar dan berkesan
- Menghargai khazanah alam sekitar
- Kerajaan umpama syarikat yang berdaya saing

7 Strategi RMK10

- 1. Mewujudkan Ekonomi Diteraju oleh Sektor Swasta
 - Memodenkan peraturan perniagaan
 - Meliberalisasikan sektor perkhidmatan
 - Menghapuskan *market distortion* melalui rasionalisasi subsidi
 - Memperkenalkan Undang-undang Persaingan
 - Menambah baik *interface* di antara Kerajaan dengan perniagaan
- 2. Menyokong Pertumbuhan Diteraju Inovasi
 - Membentuk persekitaran bagi menyokong inovasi
 - Mewujud, menyedia dan membiayai inovasi
 - Menyediakan pemboleh inovasi dengan memperkukuh struktur institusi inovasi dan rejim harta intelek

Samb....

- **3. Merasionalisasi Peranan Kerajaan dalam Perniagaan**
 - Meningkatkan program penswastaan
 - Menubuhkan Dana Fasilitasi RM20 bilion
 - Mencapai keseimbangan yang sesuai antara Kerajaan, GLC dan sektor swasta
- **4. Membangunkan EKS Sebagai Jentera Pertumbuhan dan Inovasi**
 - Mengurangkan kos kawal selia
 - Membina keupayaan dan kebolehan EKS
 - Menyokong pewujudan budaya keusahawanan
 - Mengukuh sistem sokongan EKS
 - Meningkatkan akses EKS kepada
 - pembiayaan

Samb....

- **5. Bersaing di Peringkat Global**
 - memperluas pasaran eksport
 - Modal insan cemerlang dan pelaburan asing
- **6. Mewujudkan Infrastruktur Bertaraf Dunia Untuk Menyokong Pertumbuhan dan Meningkatkan Produktiviti**
 - Meningkatkan penembusan jalur lebar isi rumah kepada 75% menjelang akhir tahun 2015;
 - menaik taraf infrastruktur fizikal
 - Menjamin pemerolehan dan pembekalan tenaga yang efektif

Samb...

- **7. Memberi Tumpuan kepada Jentera Pertumbuhan Utama**
 - Memacu pertumbuhan melalui aglomerasi bandar;
 - • Memberi tumpuan kepada koridor sekitar kluster;
 - 12 sektor ekonomi
- **12 Bidang Ekonomi Utama Negara:-**
- **1. Minyak dan gas 2. Sawit Produk Berkaitan 3. Perkhidmatan Kewangan 4. Pemborongan dan peruncitan. 5. Pelancongan 6. Teknologi Maklumat dan komunikasi 7. Pendidikan 8. Elektrik dan Elektronik 9. Perkhidmatan Perniagaan 10. Pertanian 11. Greater Kuala Lumpur.**
- **Bumiputra (Pelancongan, Pendidikan, Perkhidmatan perniagaan dan Pertanian)**

Projek Berimpak Tinggi

- Berjumlah RM63 bilion
- 52 projek. Antara projek tersebut ialah pembinaan tujuh lebuh raya, projek loji jana kuasa Elektrik dan pembangunan semula kawasan Sungai Buluh di tanah Lembaga Getah Malaysia.
- Dana untuk membiayai pelaksanaan projek-projek berimpak tinggi akan disediakan oleh kerajaan sebanyak RM20 bilion melalui Dana Mudah cara atau Facilitation Fund.
- RM500 juta diperkenalkan bagi menyediakan modal berisiko kepada syarikat modal teroka kerajaan.

Infrastruktur

- Lebuhraya Pantai Timur fasa 2 yang menghubungkan Kuantan dengan Kuala Terengganu. RM3.7 bilion telah di peruntukan.
- Jalan raya antara Kuala Lipis ke Cameron Highland dan Jerantut ke Sungai Lembing di pedalaman Pahang
- Rangkaian landasan elektrik berkembar dari Gemas ke JB dengan peruntukan RM 8 bilion sebagai pelengkap landasan dari Padang Besar di Utara ke JB di Selatan yang telah diperuntukkan RM16.5 bilion dan dijangka siap menjelang 2015
- RM1 bilion bagi kerja menaik taraf infrastruktur maritim termasuk kerja mendalamkan muara di alur pelayaran bagi keperluan kapal yang lebih besar.
- Menaik taraf serta memperbaiki kemudahan di Pelabuhan Barat, Tanjung Pelepas dan Pulau Pinang. Sebanyak RM6bilion diperuntukkan bagi kerja-kerja menaik taraf pelabuhan tersebut.
- RMK10 telah memperuntukkan RM 3.3 bilion untuk meningkatkan kapasiti Lapangan Terbang

Keadilan Sosial

- Kerajaan akan menyusun semula pemberian subsidi kepada rakyat, namun bantuan kepada kumpulan yang memerlukan akan diteruskan agar golongan ini tidak tersisih daripada arus perdana kemajuan negara.
- Pembangunan tanah secara berkelompok atau menggunakan pendekatan agropolitan
- RM109 juta disediakan untuk menyediakan bekalan air bersih kepada pekerja ladang.
- Cina yang menghuni kampung-kampung baru RM100 juta dana permulaan untuk mereka membayar premium tanah.
- Program pembangunan latihan kemahiran

Modal Insan

- Mengurangkan umur persekolahan daripada 6 ke 5 tahun.
- Latihan dan pengambilan guru akan memberi tumpuan kepada aspek-aspek kemahiran, inovatif, kreatif dan kelayakan dan menambah guru siswazah sehingga 60 % di sekolah rendah.
- Subjek BM, Sains, BI dan Matematik. Pengambilan guru dalam subjek-subjek memastikan hanya yang berkelayakan dan berminat ditawarkan mengisi jawatan tersebut. Pendidikan prasekolan: meningkatkan pengambilan tenaga pengajar kepada kelayakan Diploma atau Sarjana Muda.
- Insentif RM10,000 kepada sektor swasta yang menubuhkan pendidikan prasekolah di institusi mereka.
- Dana tahunan disediakan untuk sekolah-sekolah agama, sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil juga kepada sekolah mubaligh. RM280 juta bagi tempoh 2011 dan 2012.
- Bantuan pembayaran utiliti untuk 1,900 sekolah RM2,000 sebulan.³⁰

Pengiktirafan Universiti

- RMK10 universiti-universiti tempatan untuk mendapatkan autonomi secara berperingkat. Melalui autonomi ini, setiap universiti akan mempunyai kuasa dan hak untuk menjana pendapatan dan mengurus dengan acuan dan kehendak mereka.
- Semasa pelaksanaan RMK10, penambahan kepada 75 peratus pensyarah yang memiliki PhD akan dilaksanakan di universiti-universiti penyelidikan. Pada masa ini terdapat empat buah universiti yang telah diiktiraf sebagai universiti penyelidikan. Dalam RMK10, UTM akan diiktiraf sebagai universiti penyelidikan menjadikan 5 buah universiti penyelidikan.

Latihan Teknik dan Vokasional

- RM500 juta disediakan melalui Perbadanan Kemahiran dalam bentuk pinjaman kepada pekerja bagi mengikuti latihan untuk peningkatan kelayakan dan kemahiran. Tabung Pembangunan Sumber Manusia serta Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana akan menyediakan geran sepadan untuk membangunkan latihan kemahiran kepada pekerja.
- Seramai 60,000 pekerja yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan pengalaman akan diiktiraf oleh kerajaan melalui pemberian Sijil Kemahiran Malaysia.

Keselamatan dan Kesejahteraan Rakyat

- RMK10 telah memperuntukkan RM2.4 bilion untuk menjaga kebajikan anggota polis seperti menaik taraf balai polis, kediaman serta menambah prospek kerjaya sebagai motivasi untuk meningkatkan prestasi pasukan polis.
- Peruntukan sebanyak RM2.04 juta disediakan bagi melaksanakan program membina pasukan kesukarelaan bagi mengurangkan jenayah. Di samping itu RM120 juta juga diperuntukkan di bawah Skim Rondaan Sukarela dalam bentuk inisiatif bagi menggalakkan budaya kesukarelaan seperti program Rukun Tetangga dengan penyertaan penduduk setempat di kawasan kejiranan.

Kemudahan Kesihatan

- RMK10 telah menyediakan peruntukan sebanyak RM637 juta untuk membina 156 buah klinik di kawasan luar bandar, 41 klinik kesihatan komuniti dan 50 klinik 1Malaysia.
- Empat buah hospital baru dan empat yang akan di naik taraf akan dilaksanakan dalam RM10. Peruntukan sebanyak RM600 juta telah disediakan untuk memberi kemudahan dan keselesaan kepada rakyat yang memerlukan rawatan.

Perumahan Rakyat

- 78,000 unit rumah mampu milik akan dibina dalam RMK10 untuk memberi keselesaan kepada rakyat terutama mereka yang berpendapatan rendah.
- Di samping itu kemudahan di kawasan perumahan seperti taman permainan, lif, tangki air dan lain-lain kemudahan bersangkutan akan dipertingkatkan. RM500 juta diperuntukkan untuk membaik pulih dan penyelenggaraan kemudahan tersebut demi memberi keselesaan kepada penduduk.

Ekuiti Bumiputera

- Meningkatkan pemilikan ekuiti bumiputera melalui penginstitutionian. Menubuhkan EKUINAS sebagai institusi pelaburan swasta bumiputera.
- Mempertingkatkan pemilikan hartanah bumiputera. Pelaburan Hartanah Berhad akan menubuhkan Tabung Pelaburan Amanah Hartanah untuk mengurangkan kekangan kepada bumiputera untuk melabur dalam sektor hartanah komersial dan industri. Kampung Baru perlu dibangunkan semula.
- Program pembangunan kemahiran dan keusahawanan serta pembiayaan melalui pelbagai agensi pembangunan bumiputera. Pakej latihan keusahawanan, bantuan teknikal, pembiayaan, khidmat rundingan serta promosi dan pemasaran. Bagi meningkatkan akses kepada kemudahan pembiayaan, RM1.5 bilion telah diperuntukkan untuk kemudahan usahawan bumiputera.

Sekilas Pandang RMK9

- Kerugian Maybank beli Bank Internasional Indonesia sebanyak RM8.6 bilion. Transaksi terbabit membabitkan pembayaran premium 23% dari harga saham semasa kepada Temasek Holdings dan Kookmin Bank.
- Kerugian berjumlah RM946 juta yang dialami konglomerat Sime Darby kerana kenaikan kos mendadak projek-projeknya di Qatar dan Bakun
- Pampasan RM700 juta yang telah dianugerahkan bagi projek Bakun.
- Prof Datuk Dr Mohamed Arif, bekas Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia berkata selepas 3 dekad pelaksanaan DEB, 75% daripada keluarga yang mempunyai pendapatan isi rumah di bawah RM2,000 sebulan adalah kaum Bumiputra.

Samb...

- RM1.4 bilion Kerugian dan kegagalan projek Jambatan Bangkok dan pembinaan Kompleks Imigresen dan Kuarantin Johor
- RM400 juta Bayar kepada pemaju Gerbang Perdana kerana batal projek jambatan
- RM4.6 bilion Kegagalan projek Pelabuhan Klang Free Trade Zone (PKFZ)
- RM500 juta Bayar pampasan kerana pembatalan loji insinarator di Broga, Selangor
- RM 99 juta - Kos pembaikan Parlimen (Bajet asal RM39J)
- RM650 Juta - Penerbangan Malaysia Bhd Bayar Gantirugi kepada MAS
- RM 600 juta - Kerugian Pelaburan Unit Trust KWSP
- RM 160 juta - Kerugian Matrade
- RM70 juta - Pembaikan Jejambat MRR2

RMK10 dan Perundangan

- Cukai barangan dan perkhidmatan (GST) (VAT): apa sahaja barang dan perkhidmatan yang digunakan oleh pengguna mengandungi elemen cukai.
- Pada masa ini cukai jualan dikenakan ke atas barangan ketika diimport atau di peringkat perkilangan. Cukai perkhidmatan pula dikenakan ke atas perkhidmatan tertentu termasuk profesional, hotel dan restoran.
- 143 buah negara telah melaksanakan GST. Dalam Asean hanya Malaysia, Brunei dan Myanmar yang belum memperkenalkannya. Kadar GST yang diguna oleh negara-negara ASEAN, Singapura 5%, Thailand 7%, Indonesia 10% dan Filipina 10%.
- GST akan dapat mengurangkan cukai korporat dan cukai pendapatan individual. Barangan dan perkhidmatan yang tidak dikenakan cukai termasuk barangan makanan asasi, perkhidmatan kesihatan, ubat-ubatan, pendidikan dan penjagaan kanak-kanak, utiliti, barangan tertentu yang dibekalkan oleh pertubuhan amal dan agama, dan barangan dan perkhidmatan yang dieksport.

Undang-undang Persaingan

- Undang-undang ini akan menyediakan kawalan ke atas penyalahgunaan kuasa dominan pasaran dan perjanjian anti persaingan antara syarikat, termasuk kartel yang boleh menghad dan mengherot persaingan dalam pasaran.
- Undang-undang Persaingan telah diluluskan oleh Parlimen pada tahun 2010. Suruhanjaya Persaingan dan Tribunal Rayuan akan ditubuhkan pada akhir tahun 2010.
- Undang-undang ini akan dikuatkuasakan selepas tempoh percubaan 18 bulan bagi mendapatkan sokongan dan meningkatkan pemahaman peniaga ke atas undang-undang persaingan.

Undang-undang Harta Intelek

- Rejim IP, termasuk kepakaran dan keupayaan institusi pemeriksa dan agen IP, akan dipertingkatkan untuk menambah baik iklim pelaburan dan keyakinan pelabur serta menyediakan persekitaran yang dinamik untuk mencipta produk dan perkhidmatan baru dan inovatif.
- Memendekkan tempoh memproses permohonan untuk kelulusan cap dagang (dari 15 ke 12 bulan) dan paten (dari 39 ke 32 bulan),
- Kemudahan berasaskan web termasuk sistem pendaftaran perlindungan hak cipta secara sukarela dan pangkalan
- Data bagi carian paten akan disediakan.

Penutup

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ
وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

- surah Al-Hasyr, ayat ke-18,
- *"Wahai orang-orang beriman, bertaqwalah kepada ALLah, dan hendaklah setiap orang memperhatikan apa yang hendak diperbuatnya untuk hari esok (Hari Akhirat), dan bertaqwalah kepada Allah, sungguh Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan."*

Terima Kasih

Zulkifli Hasan

E-mail: zul361977@yahoo.com

z.b.hasan@durham.ac.uk

Blog: <http://zulkiflihasan.wordpress.com>

Tel: +44 (0) 7761457686